

30 AUG 1996

Mahathir-Kebangsaan

NEGARA MAJU IDAMAN KITA -- BERBUDAYA MAJU, BERTAMADUN TINGGI

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Negara yang berbudaya maju dan yang bertamadun tinggi -- itulah negara maju idaman Malaysia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelang ulang tahun ke-39 kemerdekaan negara esok.

Dalam perutusannya sempena Hari Kebangsaan, Perdana Menteri mengajak rakyat supaya bersama-sama merenung dan memikirkan mengenai wawasan itu supaya beroleh kejayaan.

"Marilah kita memperbaharui semula tekad kita untuk menebus maruah bangsa dan berdiri sebuah negara yang tegak tinggi bersama dengan negara-negara yang bertamadun tinggi di dunia sekarang mahupun dalam sejarah manusia," katanya dalam perutusan yang disampaikan melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam ini.

Selaras dengan tema perayaan Hari Kebangsaan tahun ini "Budaya Penentu Kecapaian" Dr Mahathir berkata: "Bangsa yang maju, maju kerana budaya bangsa itu sesuai dengan kemajuan".

Dengan prestasi ekonomi, politik dan sosial yang boleh dibanggakan, beliau berkata rakyat boleh yakin bahawa menjelang tahun 2020, Malaysia boleh menjadi negara maju.

Menurutnya, kemajuan yang dicapai negara hari ini ialah kerana budayanya sesuai dengan kemajuan di tahap ini.

"Tetapi untuk menjadi negara dan bangsa yang maju, budaya kita mestilah sesuai dengan tahap kemajuan yang ingin kita capai.

"Ini bermakna kita harus kaji dan bentuk budaya yang baru bagi bangsa kita," katanya.

Sungguhpun 'traditionalist' di kalangan masyarakat membantah sebarang usaha untuk mencipta budaya baru, Dr Mahathir berkata mereka perlu melihat perubahan yang berlaku sejak berzaman.

"Sebelum kita memprotes dengan penuh emosi, tanyakan diri kita sama ada kita dan budaya kita sekarang sama seratus peratus dengan budaya nenek moyang kita. Jika kita ikhlas kita tentu akan akui bahawa budaya kita sudah berubah dan bertukar," katanya.

Berbanding zaman dahulu, katanya, budaya masyarakat sekarang ataupun nilai hidup yang mereka pegang dan amalkan telah bertukar tanpa perancangan, bahkan tanpa disedari.

"Tetapi bangsa itu kekal dikenali sebagai bangsa itu juga," katanya untuk menolak anggapan kononnya sesuatu bangsa itu akan menjadi bangsa lain jika ditukar budayanya.

Sambil mengulangi hasrat negara untuk menjadi negara maju mengikut acuan sendiri, beliau berkata Malaysia tidak mahu menjadi negara tiruan yang menyerap dan mengamalkan segala-gala yang terdapat di negara maju.

"Namun kita tidak mahu berbeza daripada negara maju yang lain hanya kerana kita ingin berbeza daripada mereka," katanya.

Selain ekonomi yang maju, Malaysia tidak menolak apa-apa kebaikan yang ada pada negara maju.

"Yang ingin kita tolak ialah segala keburukan, sama ada yang terdapat di negara maju atau di negara mundur.

"Kita pilih yang jernih daripada mana sahaja dan kita tolak yang keruh walaupun berpunca daripada kita sendiri," katanya.

Memandangkan budaya berperanan penting menentukan mundur dan maju sesuatu bangsa dan negara, Dr Mahathir menegaskan peri mustahaknya diserapkan elemen yang membina ke dalam budaya Malaysia supaya rakyat memiliki budaya sesuai dengan bangsa yang maju.

Walaupun tidak ada sebuah negara yang boleh dijadikan contoh tepat bagi menggambarkan bangsa yang berbudaya maju pada zaman ini, Perdana Menteri berkata rakyat boleh membuat penilaian dengan mengkaji peredaran zaman.

"Namun jika kita analisis sejarah bangsa-bangsa yang maju dan yang mundur, dahulu dan sekarang, kita akan dapat menentukan apa yang patut menjadi sebahagian daripada budaya kita semasa menuju dan setelah sampai ke matlamat wawasan 2020 dan selepasnya," katanya.

Beliau berkata banyak unsur daripada budaya masyarakat Malaysia yang sesuai dengan kemajuan dan ia perlu dikekalkan. Aspek-aspek ini meliputi sikap tidak sombong dan angkuh, toleran, sedar akan kelemahan diri dan sanggup menyesuaikan dengan perkembangan sekitar.

Katanya, bangsa yang maju perlu memiliki budaya yang halus yang meletakkan nilai yang mulia di tahap yang tinggi seperti ketertiban dan kesopanan dalam perhubungan antara anggota masyarakat, kaum dan bangsa.

"Tidak ada tempat dalam masyarakat maju bagi orang yang mengutamakan kepentingan dirinya semata-mata. Semua perlu sanggup mengorbankan sedikit kebebasan dan kepentingan diri kerana kebahagiaan masyarakat," katanya.

Ekstrimisme tidak mempunyai tempat dalam tamadun yang tinggi walaupun ekstrimisme dalam kebaikan, katanya.

"Hak pekerja, hak wanita, hak orang yang cacat dan hak kemanusiaan semuanya baik. Tetapi keterlaluan dalam menuntut hak atau mempertahankan hak-hak ini tetap akan menidakkan hak orang lain. Dengan itu masyarakat yang ideal tidak akan wujud," katanya.

Menurutnya, masyarakat yang ingin maju tidak harus bergantung semata-mata kepada kawalan undang-undang kerana mereka perlu mengawal diri sendiri daripada perlakuan perkara-perkara yang tidak baik.

Dalam hubungan ini, katanya ajaran agama adalah penting kerana kepercayaan yang benar kepada nilai-nilai keagamaan akan memelihara penganutnya daripada perbuatan tidak sihat walaupun tidak ada undang-undang berkenaannya.

"Masyarakat yang memerlukan undang-undang untuk semua gerak-geri tingkah laku anggotanya bukanlah masyarakat maju yang bertamadun," katanya.

-- BERNAMA  
AZZ NMO